

Prakata

Buku ini ialah semakan yang dikemasldni berdasarkan naskah yang saya tulis dan terbitkan kira-Idra 30 tahun dulu, semasa ditahan tanpa bicara di bawah ISA (Akta Keselamatan Negeri). Alasan, tujuan dan bidang buku ini, dan keadaan yang saya alarni sewaktu menulisnya, sudah diterangkan dalam Sekapur Sirih edisi asal.

Saya mengambil keputusan melakukan semakan buku ini selepas diminta pada penghujung tahun lalu oleh Haji Koya, pemilik The Other Press, yang berhajat hendak menerbitkannya. Saya terns nriemulakan kerja dengan rancangan untuk menyelesaikannya pada awal bulan Mac 2008. Tetapi sebelum sempat ini terlaksana, pilihanraya ke-12 diumumkan. Rancangan terencat oleh kerana saya turut terlibat, walaupun tidak sebagai calon.

Hanya kira-kira sebulan selepas hari mengundi pada 8hb Mac baru saya dapat inenyarnbung kerja semakan yang selesai pada awal Mei. Sernua bab dalam buku ini telah dipinda, sesetengahnya lebih banyak daripada yang lain, supaya kemaskini. Akan tetapi perlu ditegaskan hampir semua bahan dalam teks asal tidak berubah dan merupakan sebahagian besar daripada edisi ini.

Tiga puluh tahun sudah berlalu sejak buku ini mula-mula ditulis. Dalam tempoh masa itu banyak perubahan berlaku dalam negera - terutama di lapangan ekonomi, politik dan sosial. Tetapi saya berpendapat masalah-masalah pokok yang dihadapi masyarakat, terutama orang Melayu, pada asasnya tidak berubah.

Keputusan pilihanraya barn lalu adalah di luar dugaan banyak pihak, termasuk pemerhati politik yang tekun. Gabungan Pembangkang yang terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (keADILan atau PKR), Parti Tindakan Rakyat (DAP) dan Parti Islam SeMalaysia (PAS), walaupun menghadapi banyak masalah, berjaya menafikan majoriti dua-pertiga gabungan kerajaan (BN). Pembangkang rnendapat separuh daripada se-

mua undi dan 82 daripada 222 kerusi parlimen (37.3 peratus). Selain negeri Kelantan yang dipertahankan dengan majoriti lebih baik, Selangor, Perak, Kedah dan Pulau Pinang jatuh kepada **gabungan pembangkang** (yang mengambil narna Pakatan Rakyat selepas pilihan raya). Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pakatan memenangi sepuluh daripada sebelas kerusi parlimen.

Akhirnya rakyat Malaysia mendapat keberanian untuk berubah; mereka daripada semua kaum bergembira di seluruh negara. Pada masa sama, sebahagian orang Melayu dalam UMNO serta penyokong mereka berasa 'gerun'. Mereka segera menyuarakan kebimbangan bahawa masa depan orang Melayu sedang terancam. Mereka menggunakan isu serta sentimen perkauman sempit untuk menirnbulkan rasa takut dan marah orang Melayu.

Beberapa demonstrasi diadakan oleh ahli-ahli UMNO yang terperanjat ini, kononnya untuk mempertahan kedudukan istimewa orang Melayu dan dasar pro-Melayu, termasuk DEB (Dasar Ekonomi Baru) yang suclah berusia 40 tahun itu. Tidak lama selepas itu mereka nampaknya kehilangan tenaga.

Kemudian beberapa pertemuan dan persidangan khusus untuk orang Melayu dianjurkan oleh sebilangan bekas ahli akademilc dan profesional yang memandang ke belakang, bersama pemimpin tertentu beberapa pertubuhan sosial dan budaya yang ketinggalan zaman. Mereka mengadakan pertemuan di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor Bahru untuk mempertahan apa yang mereka anggap sebagai ketuanan Melayu. Nampaknya mereka berakhir selepas menyerahkan resolusi kepada Sultan, tanpa mempunyai rancangan lanjutan yang serius.

Respons serta reaksi selepas pilihanraya daripada pelbagai golongan dan lapisan orang, terutama sekali orang Melayu, boleh mempakan

lapangan penyelidikan dan penulisan yang menarik. Akan tetapi saya tidak sempat melakukannya di sini. Dalam buku ini semuanya berakhir pada penghujung 2007 apabila saya memulakan semakan. Mungkin perkara ini memerlukan sebuah buku yang lain.

Terdapat tanda yang positif daripada segala perkembangan ini menunjukkan bahawa orang Melayu masih prihatin atas hak, masalah dan masa depan mereka. Tetapi mereka mengikuti cara dan jalan yang berbeza untuk menanganinya. Sesungguhnya memang diperlukan pengamatan yang serius, ikhlas, kreatif dan kritis terhadap semua isu.

Kita memerlukan lebih banyak dialog dan pertukaran fikiran, yang seharusnya tidak didominasi oleh pendekatan sempit, konservatif dan perkauman yang berkaitan dengan kepentingan serta keuntungan segelintir orang Melayu yang kaya serta berluasa saja. Kita tidak harus mengabaikan kebajikan rakyat Melayu biasa, yang kebanyakannya hidup susah dan dinafikan hak untuk menentukan nasib sendiri.

Secara peribadi, sejak edisi pertama buku ini dilancarkan saya sudah melalui banyak perubahan dalaman. Saya agak terperanjat

bahawa asas-asas pemikiran dan perspektif saya terhadap pelbagai perubahan dan masalah masyarakat tidak banyak berubah. Saya tidak perlu meminta maaf kerana ini. Dengan rendah hati saya mempercayai pemahaman serta analisis saya mengenainya bertambah tajam dan lebih baik, Insya Allah.

Sebenarnya, buku ini bukanlah tesis ilmiah yang teliti ataupun wacana politik yang mendalam. Ia cuba dan diharapkan berjaya memadukan kekuatan tanpa menyerap kelemahan daripada kedua-duanya.

Mungkin buku ini tidak dapat memenuhi kehendak apa yang dikatakan ilmuwan berkecuali ataupun tuntutan aktivis politik partisan. Namun saya harap ia akan dapat meningkatkan pemahaman dan kesedaran di kalangan orang ramai - tanpa mengira kaum, kelas, agama dan gender - tentang cabaran asas yang dihadapi negara sekarang dan pada masa-masa hadapan.

Sesungguhnya saya seharusnya mengucapkan terima kasih kepada ramai yang telah menolong dalam usaha ini Tetapi saya akan membataskannya kepada beberapa orang saja. Pertama isteri saya Sabariah kerana kesabaran, toleransi serta galakannya dalam senyap. Kedua, Syed Putra Syed Ahmad dan Unit Buku Harakah yang bersedia untuk menerbitkan edisi Bahasa Melayu buku ini, serta beberapa cadangan penerbitan beliau untuk menjadikannya lebih menarik dan mudah dibaca.

Latheefa Koya bersama Eric Paulson yang mengumpul semua jadual untuk lampiran. Saya juga terhutang budi kepada Ali Mansor serta isterinya Sabariah kerana menolong mengedit buku ini dalam masa singkat secara sukarela, tetapi saya mengambil tanggungjawab atas kesemua kesilapan dan kelernahan.

Buku ini saya dedikasikan kepada semua rakyat Malaysia yang telah berjuang melalui zaman berlainan dalam sejarah negara untuk menegakkan sebuah negara Malaysia yang benar-benar adil, demokratik, bebas dan bersatu. Semoga hasil perjuangan dan impian mereka tercapai dalam masa sesingkat-singkatnya.

**Dr S. Husin Ali
Petaling Jaya
1 Mei 2008**